

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 25 NOVEMBER 2017 (SABTU)**

| <b>Bil</b> | <b>Tajuk</b>                                                 | <b>Akhbar</b> |
|------------|--------------------------------------------------------------|---------------|
| 1.         | Penceroboh hutan simpan Negeri Sembilan sedang dikenal pasti | BERNAMA       |
| 2.         | 181 pusat pemindahan banjir berdaftar di N. Sembilan         | Astro Awani   |
| 3.         | Panik penggera tsunami berbunyi                              | Sinar Online  |
| 4.         | Hujan lebat dijangka berterusan hingga esok                  | Sinar Online  |



## Penceroboh Hutan Simpan Negeri Sembilan Sedang Dikenal Pasti

PORT DICKSON, 24 Nov (Bernama) -- Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan (JPNS) sedang dalam proses mengenal pasti individu yang menceroboh dan meneroka secara haram di beberapa lokasi hutan simpan di negeri ini.

Pengarahnya Salim Aman berkata jabatan mengesan kegiatan penerokaan haram hutan simpan itu menerusi sistem Forest Monitoring Using Remote Sensing (FMRS) yang menggunakan imej satelit.

"Sistem FMRS ini dibangunkan bersama oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan **Agensi Remote Sensing Malaysia** untuk memantau aktiviti penerokaan hutan secara cepat dan efisien," katanya kepada pemberita selepas majlis penutupan Operasi Penguatkuasaan Hutan Bersepadu 'OPS LOPEH NBOS' anjuran JPNS di sini, hari ini.

Beliau berkata operasi Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) itu bertujuan memastikan individu terlibat aktiviti penerokaan hutan secara haram diambil tindakan sewajarnya.

Katanya kesalahan melakukan penerokaan hutan secara haram boleh didakwa mengikut Seksyen 32 Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993) yang membawa hukuman denda maksimum RM50,000 dan/atau penjara maksimum lima tahun, jika sabit kesalahan.

Terdahulu dalam ucapannya, Salim berkata dalam 'OPS LOPEH NBOS' selama empat hari bermula Selasa lepas, sebanyak 195 kes dikesan membabitkan penerokaan kawasan hutan simpan, kesalahan jalan raya, memproses hidupan liar yang dilindungi dan penggunaan pekerja asing tanpa permit.

Katanya operasi itu melibatkan 90 anggota daripada pelbagai agensi penguatkuasaan termasuk Polis Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara, Jabatan Imigresen, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Jabatan Alam Sekitar.

Beliau berkata operasi bersepadu itu antara lain bertujuan memantapkan kerjasama dalam aktiviti penguatkuasaan.

-- BERNAMA



## 181 pusat pemindahan banjir berdaftar di N. Sembilan



Sebanyak 181 pusat pemindahan didaftarkan di bawah JKM bagi memastikan persiapan menghadapi banjir di beberapa daerah di Negeri Sembilan berjalan lancar. - Gambar hiasan

**KUALA PILAH:** Sebanyak 181 pusat pemindahan didaftarkan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi memastikan persiapan menghadapi banjir di beberapa daerah di negeri ini berjalan lancar di masa akan datang.

Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan Datuk Seri Mat Ali Hassan berkata ia terdiri daripada sekolah, balai raya, dewan besar dan kompleks sukan untuk dijadikan sebagai pusat pemindahan kepada mangsa sama ada kejadian banjir ataupun kecemasan.

"Penyelia pusat pemindahan pula terdiri daripada kalangan guru besar, pengetua sekolah, pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dan pengerusi Jawatankuasa Perwakilan Penduduk Persekutuan sebagai pegawai yang bertanggungjawab kepada pusat pemindahan di bawah jagaan masing-masing.

"Seramai 1,069 anggota penyelamat dari pelbagai agensi bersedia digerakkan pada bila-bila masa apabila berlakunya bencana dengan kepakaran dan fungsi tugas masing-masing," katanya pada majlis penutup Taklimat Pengurusan Pusat Pemindahan Sempena Kesiapsiagaan Menghadapi Bencana di sini, hari ini.

Teks beliau dibacakan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan) Salinah Ismail.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pesuruhjaya Operasi Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Roslan Wahab dan Pengarah dan Pengarah APM negeri Lt Kol (PA) Kamal Mokhtar.

Sementara itu, Mat Ali berkata menurut ramalan **Jabatan Meteorologi Malaysia** musim tengkujuh lazimnya akan membawa hujan lebat di beberapa kawasan pantai timur Semenanjung, Sabah dan Sarawak serta sebahagian negeri di Semenanjung telah

bermula pada pertengahan November lalu dan dijangka berlarutan sehingga Mac tahun depan.

"Merujuk kepada Jabatan Pengairan dan Saliran setakat Selasa lepas, rekod bacaan taburan hujan di Negeri Sembilan secara purata tahunannya adalah berjumlah 2,200mm setahun, tetapi beberapa daerah di negeri ini telah mencatatkan jumlah bacaan taburan hujan melebihi daripada purata tahunan.

"Seperti Seremban dengan bacaan 2,502.71mm, Port Dickson dengan bacaan 2,329.25mm, Rembau 2,307.35mm dan Kuala Pilah 2,141.30mm," katanya.

Beliau berkata dari Januari hingga 2 Nov lepas, 38 kejadian banjir dicatatkan di negeri ini dengan daerah Seremban mencatat jumlah tertinggi iaitu 13 kes kejadian banjir kilat.

-- BERNAMA



## Panik penggera tsunami berbunyi



*Seorang kakitangan Jabatan Meteorologi Malaysia membuat pemeriksaan pada alat penggera amaran tsunami di Kampung Nelayan Kuala Kurau, petang kelmarin.*

PARIT BUNTAR - Bunyi penggera amaran tsunami berbunyi secara mengejut, pagi kelmarin ternyata menggemparkan penduduk kawasan Kuala Kurau dan Tanjung Piandang.

Difahamkan, penggera terbabit dikatakan berbunyi lebih tiga kali kira-kira 10 saat.

Bagaimanapun, ia bukanlah amaran tsunami sebenar, sebaliknya terhasil dari kerja-kerja pemeriksaan alat terbabit yang dijalankan kakitangan **Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM)**.

Jurucakap JMM berkata, dua kali setahun, pihak jabatan akan membuat pemeriksaan alat penggera itu bagi memastikan ianya berfungsi.

"Di Kerian terdapat dua alat penggera tsunami dipasang iaitu di Kampung Nelayan Kuala Kurau dan Tanjung Piandang, dan kedua-duanya diperiksa dan berfungsi dengan baik.

"Diharap penduduk sekitar tidak panik kerana ianya sekadar untuk tujuan pemeriksaan bagi memastikan penggera itu berfungsi jika berlaku sesuatu kejadian seumpama itu," katanya ditemui ketika membuat pemeriksaan di Kampung Nelayan, Kuala Kurau, di sini.

Sementara itu, penduduk Kuala Kurau, Azhar Maturidi, 44, berkata, dia terkejut mendengar bunyi amaran tersebut dan bergegas menuju ke perkampungan nelayan bagi memastikan keadaan sebenar.

Setibanya di lokasi penggera itu, dia dimaklumkan bahawa bunyi itu terhasil dari pemeriksaan dilakukan kakitangan JMM.



## Hujan lebat dijangka berterusan hingga esok



*Jabatan Meteorologi Malaysia*

KUALA LUMPUR - Hujan lebat dijangka berterusan di Kelantan dan Terengganu sehingga esok, menurut **Jabatan Meteorologi**.

Menurut kenyataan di laman sesawang jabatan itu, hujan lebat juga dijangka berlaku di daerah Kuantan; Pekan; Rompin; Jerantut dan Maran di Pahang serta daerah Mersing dan Kota Tinggi di Johor.

Dalam pada itu, jabatan itu turut mengeluarkan amaran angin kencang dan laut bergelora (kategori kedua) di kawasan perairan Condore, Reef North dan Layang-Layang sehingga Isnin ini.

Katanya, angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 40-50 kmsj selain ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter dijangka berlaku di kawasan berkenaan serta berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri. - Bernama